

# 'GST tak sesuai, gaji rakyat masih rendah'

BERITA HARIAN 21 JUN 2025 m/s. 2

## Anwar tak mahu sistem percukaian beri beban kepada golongan bawahan

Oleh Mohd Iskandar Ibrahim  
bhnews@bh.com.my

**Putrajaya:** Kerajaan tidak melaksanakan semula Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) ketika ini kerana nilai ambang pendapatan rakyat masih rendah dan belum mencapai tahap wajar untuk pelaksanaan sistem percukaian itu, kata Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, mengakui GST adalah sistem percukaian paling efisien dan telus, tetapi kerajaan memilih tidak melaksanakannya ketika ini bagi mengelak beban berlebihan kepada golongan berpendapatan rendah.

"Saya masih ingat ketika menjadi Menteri Kewangan dulu, saya nyatakan di Parlimen bahawa GST adalah sistem percukaian yang efisien dan telus, namun saya terpaksa tangguhkan kerana pendapatan rakyat ketika itu terlalu rendah.

"Tapi sekarang, gaji RM1,700 (gaji minimum), RM2,000 masih ramai. Maka keputusan tidak laksana GST ini dibuat demi rakyat bawahan," katanya berucap pada Perhimpunan Bulanan Kementerian Kewangan di sini, semalam.

Anwar berkata, walaupun beberapa pengecualian boleh diberikan jika GST dilaksanakan, masih banyak barangan tetap dikenakan cukai secara tidak langsung.

"Walaupun ada beberapa pengecualian, banyak barangan tetap dikenakan cukai secara tidak langsung. Naik bas pun kena cukai. Jadi, walaupun GST ini sistem yang baik, pelaksanaannya perlu mengambil kira kemam-

Tapi sekarang, gaji RM1,700 (gaji minimum), RM2,000 masih ramai. Maka keputusan tidak laksana GST ini dibuat demi rakyat bawahan

Anwar Ibrahim,  
Perdana Menteri



puan rakyat.

"Saya sebut dahulu, biarlah pendapatan rakyat naik dahulu. Kalau gaji (minimum) sudah RM4,000, mungkin boleh (pertimbangan semula), tapi sekarang gaji RM1,700, RM2,000 masih ramai," katanya.

### SST berkuat kuasa 1 Julai

Menjelaskan mengenai peluasan skop Cukai Jualan dan Perkhidmatan (SST), Perdana Menteri berkata, penambahbaikan cukai yang berkuat kuasa 1 Julai ini dilaksanakan secara progresif dan bersasar.

Beliau berkata, pelaksanaan percukaian adalah bagi memastikan hasil negara dapat dikembalikan semula kepada rakyat menerusi peruntukan besar seperti dalam sektor pendidikan dan kesihatan.

"Ambil contoh peruntukan Sumbangan Tunai Rahmah (STR), pada 2023-sebanyak RM8 bilion disalurkan, kini mencecah RM13 bilion untuk manfaat sembilan juta rakyat. Begitu juga pendidikan, kita tambah kepada RM64 bilion untuk sekolah anak-anak kita.

"Kementerian Kesihatan juga terima peningkatan RM4 bilion, menjadikan jumlah keseluruhan RM45 bilion. Ini bukti cukai yang diambil, kita pulangkan semula kepada rakyat dengan cara paling berfaedah," katanya.

Sementara itu, Perdana Men-

teri berkata, pentadbirannya komited mengurangkan jumlah hutang negara, selaras dengan pendekatan reformasi fiskal di bawah Kerangka Ekonomi MADANI yang sedang dilaksanakan.

Katanya, walaupun suasana ekonomi dunia tidak menentu, Malaysia berjaya mengekalkan pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar pada kadar 4.4 peratus bagi suku pertama tahun ini, dengan prestasi pengurusan hutang negara menunjukkan perkembangan positif.

"Banyak pihak bercakap mengenai hutang negara seolah-olah kita menambah beban, sedangkan kita sebenarnya berjaya mengurangkan hutang tahunan secara konsisten. Pada 2022, hutang baharu sekitar RM100 bilion, turun kepada RM90 bilion pada 2023, RM85 bilion pada 2024 dan unjuran tahun ini ialah RM80 bilion.

"Kita sudah kurangkan hampir RM20 bilion dalam tempoh beberapa tahun. Ini bukan retorik, tetapi hasil pengurusan fiskal berhemat dan disiplin perbelanjaan yang kita amalkan," katanya.

Anwar menegaskan, langkah kerajaan menurunkan kadar defisit negara daripada 5.5 peratus pada 2022 kepada 4.1 peratus pada 2024 dan unjuran 3.8 peratus tahun ini menjadi bukti keupayaan kerajaan mengurus perbelanjaan secara bertanggungjawab.